

# Amanat arwah ibu

## Pendorong hingga raih Pingat Emas Pusat ASPer UPM



>>Oleh Maiamalina  
Mohamed Amin  
maiomalina@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Amanat arwah ibu yang membuatkan dia kuat, malah berpegang pada pesanan itu menjadikannya semakin bersemangat dan cemerlang dalam akademik hingga memperoleh Pingat Emas, Pusat Asasi Sains Pertanian

(ASPer), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ahmad Zharif Arbi, 20, berkata kematian ibunya akibat kanser hati tiga tahun lalu cukup menyedihkan, namun dia tidak mahu terbawa-bawa dengan emosi itu apabila mengingatkan pesanan ibu sebelum menghembuskan nafas terakhir.

"Ibu sakit kuat ketika saya di tingkatan lima dan perlu menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Masa itulah dia berpesan supaya saya jaga empat adik dengan elok selain belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi

contoh kepada adik-adik.

"Berkali-kali dia tekankan itu membuatkan saya sentiasa beringat setiap kali mahu menelaah pelajaran, malah pesanan berkenaan yang menjadi sumber inspirasi saya dalam apa jua keadaan sekalipun," katanya ketika ditemui di Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains Pertanian, di UPM, di sini, baru-baru ini.

Anak sulung daripada lima beradik itu turut menjelaskan akan terus mendalamai bidang pertanian sepenuhnya kerana percaya ia penting kepada pembangunan



**CEMERLANG...**Ahmad Zharif dan Chitra (kiri) menunjukkan pingat diperoleh mereka.

masyarakat selain semakin meluas apabila kerajaan melaksanakan dasar mengutamakan sektor pertanian.

Ahmad Zharif yang memperoleh keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.85, dia akan memberi tumpuan dalam penyelidikan berkenaan pertanian demi mencapai cita-cita bergelar saintis terkemuka.

Sementara itu, rakan Ahmad Zharif yang turut me-

nerima Anugerah Pelajaran ASPer, Chitra Ratnaphongsaputra, 20, menyifatkan kejayaan diperoleh berkat daripada usaha kerasnya, meskipun gemar belajar di saat-saat akhir.

Menurutnya, sejak kecil lagi ibu dan bapanya yang bertugas sebagai pendidik sangat menitikberatkan kepentingan pelajaran, malah dia sudah diasuh supaya belajar bersungguh-sungguh.